

SOALAN LAZIM/ FAQ PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) TAHUN 2025

A. PERMOHONAN

S1. Siapakah yang layak memohon Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)?

J. Permohonan PISMP tahun 2025 dibuka kepada calon-calon yang berikut:

- Calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun **2024, 2023 & 2022**;
- Calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun **2024 & 2023**;
- Calon lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun **2024 & 2023**; dan
- Calon lepasan program Matrikulasi sesi **2024/2025 & 2023/2024**.

S2. Siapakah yang layak memohon Program Pelajar Cemerlang (PPC) ke Luar Negara?

J. Permohonan PPC hanya dibuka kepada lepasan **SPM tahun 2024**.

S3. Keputusan SPM 2024 belum diumumkan. Bolehkan saya memohon?

J. BOLEH. Calon boleh membuat permohonan mulai **24 Februari 2025 hingga 16 Mac 2025** walaupun keputusan SPM 2024 belum diumumkan.

S4. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat program yang ditawarkan?

J. Maklumat lengkap boleh didapati dari laman sesawang PISMP di alamat;
<https://pismp.moe.gov.my/>

S5. Di manakah saya boleh memohon?

J. Permohonan hanya dijalankan secara dalam talian. Calon boleh membuat permohonan menerusi laman sesawang PISMP di alamat <https://pismp.moe.gov.my/> pada tarikh permohonan yang ditetapkan.

S6. Berapakah pilihan bidang yang boleh dibuat?

J. Pemohon hanya boleh membuat dua pilihan bidang sahaja.

S7. Apakah syarat minimum untuk saya memohon?

J. Syarat minimum permohonan adalah berbeza mengikut program dan kategori laluan. Sila rujuk iklan dan Panduan Permohonan PISMP 2025 yang disediakan.

S8. Adakah saya perlu memasukkan keputusan peperiksaan dalam permohonan PISMP 2025?

J. **TIDAK.** Pemohon tidak perlu mengisi keputusan peperiksaan SPM/STPM/STAM/Matrikulasi dalam permohonan. Walau bagaimanapun, calon perlu mengemas kini permohonan selepas keputusan sebenar peperiksaan diperolehi pada tarikh yang ditetapkan.

Manakala bagi calon yang telah menerima keputusan sebenar peperiksaan seperti calon lepasan SPM tahun 2023 dan 2022, permohonan anda mestilah berpandukan keputusan SPM sebenar.

S9. Bolehkan saya memohon PISMP menggunakan kemasukan lepasan SPM walaupun saya lepasan STPM/STAM/Matrikulasi?

J. **BOLEH.** Sekiranya anda ingin memohon PISMP dengan menggunakan keputusan SPM, permohonan anda tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah PISMP kemasukan lepasan SPM.

S10. Berapa kali saya boleh mengemas kini permohonan?

J. Pemohon boleh mengemas kini permohonan pada bila-bila masa sebelum membuat pengesahan permohonan. (sila rujuk **TARIKH-TARIKH PENTING** di laman sesawang PISMP: <https://pismp.moe.gov.my/>

“Pemohon diingatkan untuk membaca terlebih dahulu Iklan, Manual Permohonan dan Panduan Permohonan PISMP 2025 yang disediakan dalam laman sesawang PISMP sebelum membuat permohonan. Kesilapan semasa membuat permohonan mungkin menyebabkan permohonan calon akan ditolak.”

B. SARINGAN e-UJIAN KELAYAKAN CALON GURU (e-UKCG)

S1. Apakah e-UKCG?

J. e-UKCG adalah merupakan ujian **psikometrik** secara atas talian yang digunakan oleh IPGM KPM untuk menyaring calon-calon yang memohon latihan perguruan di IPG. Hanya calon yang lulus e-UKCG layak dipertimbangkan untuk menduduki saringan seterusnya.

S2. Bilakah e-UKCG PISMP dijalankan?

J. e-UKCG PISMP 2025 akan dilaksanakan dalam 2 sesi iaitu Sesi 1 pada **24 – 28 Mac** dan Sesi 2 pada **7 – 11 April 2025**. Calon perlu merujuk pada Tarikh-tarikh Penting (permohonan PISMP) pada portal PISMP dari semasa ke semasa.

S3. Bolehkah calon menukar tarikh e-UKCG yang telah ditetapkan?

J. **TIDAK**. Calon tidak dibenarkan menukar tarikh e-UKCG dan calon perlu bersedia untuk menduduki ujian tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.

S4. Bagaimana calon boleh mengetahui status layak e-UKCG?

J. Calon boleh menyemak status layak menduduki e-UKCG mulai **18 Mac 2025** di laman sesawang PISMP 2025. Anda dinasihatkan untuk menyemak Tarikh-tarikh penting PISMP 2025 dari semasa ke semasa

S5. Bagaimana pelaksanaan e-UKCG?

J. e-UKCG dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Calon boleh menduduki e-UKCG di kediaman masing-masing atau di mana-mana tempat yang mempunyai talian internet yang baik.

S6. Bagaimana sekiranya calon sukar mendapatkan talian internet untuk menduduki e-UKCG di rumah?

J. Calon boleh menduduki e-UKCG di kawasan atau tempat lain yang ada menyediakan perkhidmatan internet dengan baik seperti kafe siber, pusat ICT kampung, sekolah, perpustakaan awam atau di kawasan-kawasan yang menyediakan internet tanpa wayar. Perlu diingatkan, **e-UKCG adalah SULIT**. Calon tidak dibenarkan menunjuk, membuka ruang untuk orang lain melihat atau menyebarkan soalan ujian kepada individu atau pihak lain.

S7. Apakah alat yang boleh digunakan untuk menjawab e-UKCG?

J. e-UKCG hanya boleh dijawab secara dalam talian. Oleh itu calon memerlukan talian internet dan digalakkan menggunakan komputer atau komputer riba untuk menjawab e-UKCG untuk lebih selesa. Walau bagaimanapun calon boleh menjawab menggunakan alat-alat lain seperti telefon bimbit atau tablet.

S8. Di manakah calon boleh mendapatkan panduan untuk menduduki e-UKCG?

J. Panduan menduduki e-UKCG disediakan. Calon boleh memuat turun garis panduan dan membaca dengan teliti sebelum mula menjawab.

S9. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menduduki e-UKCG?

J1. Calon akan ditetapkan tarikh untuk menduduki e-UKCG. Calon perlu peka dengan tarikh yang diberi dan membuat persediaan awal seperti mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menjawab sekiranya tiada talian internet di rumah.

J2. Pastikan calon membaca dan memahami arahan soalan dengan teliti sebelum membuat pengesahan untuk menjawab soalan.

J3. e-UKCG mengandungi banyak soalan dan perlu dijawab dalam tempoh masa yang terhad. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menjawab secara spontan. Pilih jawapan yang sesuai dengan diri sendiri.

S10. Bolehkah calon berbincang dengan keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG?

J. TIDAK. Calon tidak dibenarkan berbincang atau bertanya kepada ahli keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG.

S11. Setelah calon selesai menjawab e-UKCG dan klik butang hantar, adakah calon boleh menjawab semula ujian tersebut?

J. TIDAK. Calon tidak lagi boleh menjawab e-UKCG setelah hantar.

S12. Bagaimana sekiranya berlaku gangguan semasa calon menjawab e-UKCG seperti kerosakan talian internet, terputus bekalan elektrik, kerosakan komputer dan sebagainya?

J. Sekiranya calon menghadapi gangguan teknikal ketika menjawab e-UKCG seperti gangguan talian internet atau elektrik yang menyebabkan calon tidak boleh meneruskan menjawab, calon dibenarkan mengulang menjawab e-UKCG dengan menekan butang "RESET". Butang reset tidak wujud jika calon telah menjawab kesemua soalan dalam tempoh yang ditetapkan. Calon hanya dibenarkan untuk membuat dua (2) kali reset sahaja. Calon tidak dibenarkan menjawab lagi sekiranya butang reset telah diklik melebihi dua kali.

D. UJIAN KECERGASAN FIZIKAL (UKF)

S1. Apakah Ujian Kecergasan Fizikal (UKF)?

J. Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) adalah merupakan saringan yang bertujuan menilai tahap kecergasan dan kesihatan calon. UKF dijalankan secara bersemuka. Hanya calon yang lulus saringan e-UKCG akan dipertimbangkan untuk menduduki UKF.

S2. Siapakah yang perlu menduduki UKF?

J. Calon-calon yang lulus dalam e-UKCG akan dipertimbangkan untuk menduduki saringan UKF. UKF dijalankan kepada calon-calon yang memilih bidang selain daripada bidang Pendidikan Jasmani. Bagi calon yang memilih bidang Pendidikan Jasmani sebagai pilihan 1 dan 2, calon perlu melaksanakan Ujian Amali Pendidikan Jasmani (UAPJ).

S3. Bilakah tarikh saringan UKF PISMP 2025?

J. UKF untuk PISMP 2025 akan dijalankan pada **19 hingga 23 Mei 2025** dan **26 hingga 30 Mei 2025**. Calon akan menerima satu tarikh dalam tempoh pelaksanaan UKF tersebut. Calon perlu merujuk pada Tarikh-tarikh Penting (permohonan PISMP 2025) pada portal PISMP dari semasa ke semasa.

S4. Bolehkah calon menukar tarikh atau pusat UKF?

J. **TIDAK**. Calon tidak boleh menukar tarikh atau pusat UKF yang telah ditetapkan. Calon dinasihatkan membuat persediaan dan perancangan awal sebelum menghadiri UKF.

S5. Adakah calon akan diberi taklimat berkenaan UKF?

J. YA. Calon akan diberi taklimat berkaitan prosedur UKF oleh panel UKF yang dilantik pada hari ujian dijalankan. Selain daripada itu, IPGM juga akan mengadakan sesi taklimat khusus berkaitan UKF melalui slot Youtube Live. Sila rujuk iklan atau jadual slot Youtube Live IPGM untuk maklumat tarikh-tarikh siaran.

S6. Adakah calon Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) perlu melaksanakan UKF?

J. YA. Calon MBPK juga perlu melalui proses saringan UKF dengan prosedur yang bersesuaian dan berbeza dengan calon bukan MBPK.

S7. Adakah calon yang sedang sakit atau cedera perlu melaksanakan UKF?

J. Calon yang mengandung, sakit atau cedera TIDAK DIBENARKAN untuk menduduki UKF/UAPJ atas faktor kesihatan dan keselamatan. Calon perlu memaklumkan kepada penilai status kesihatan masing-masing sebelum ujian dimulakan

S8. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menghadiri UKF?

J1. Calon perlu peka dengan tarikh dan pusat UKF yang telah ditetapkan.

J2. Calon perlu membaca **garis panduan** UKF dengan teliti. Garis panduan UKF disediakan untuk calon mendapatkan maklumat UKF dengan lebih lengkap.

J3. Calon boleh melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan yang sesuai sebagai persiapan sebelum menduduki ujian.

C. TEMU DUGA

S1. Siapakan yang layak untuk ditemu duga?

J. Hanya calon yang lulus e-UKCG serta melepassi syarat umum dan bidang sahaja layak dipertimbangkan untuk ditemu duga.

S2. Bilakah calon akan dimaklumkan mengenai tarikh dan sesi temu duga?

J. Tarikh dan sesi temu duga akan dimaklumkan kepada calon melalui laman web. Sila rujuk tarikh-tarikh penting.

S3. Bagaimakah temu duga dilaksanakan?

J. Temu duga dilaksanakan secara bersemuka. Calon mesti **hadir di pusat-pusat temu duga mengikut tarikh dan masa** yang telah diberi.

S4. Adakah calon dibenarkan menukar tarikh dan sesi temu duga?

J. **TIDAK DIBENARKAN.** Calon dianggap gagal dalam temu duga sekiranya tidak mematuhi tarikh dan sesi temu duga seperti yang telah ditetapkan.

S5. Berapa lamakah tempoh masa temu duga dijalankan?

J. Calon akan ditemu duga dalam anggaran tempoh masa antara 1 jam hingga 1 jam 15 minit. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada keperluan panel temu duga masing-masing.

S6. Apakah yang akan dinilai dalam temu duga?

J. Pada umumnya calon akan dinilai mengenai kesesuaian dan ketrampilan diri calon sebagai seseorang yang boleh dilantik menjadi guru.

S7. Apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh calon sebelum menghadiri temu duga?

J. Pada umumnya calon perlu mengetahui **pusat temu duga, tarikh dan sesi temu duga** yang telah ditetapkan. Calon juga perlu memastikan **semua dokumen** yang diperlukan dibawa ke pusat temu duga.

S8. Apakah yang perlu dilakukan pada hari temu duga?

J. Calon perlu datang awal ke pusat temu duga yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Ikut pandu arah yang disediakan di pusat temu duga untuk ke tempat pendaftaran. Calon akan dibantu oleh urus setia pusat temu duga untuk proses seterusnya.

S9. Di manakah calon boleh mendapat maklumat lanjut mengenai temu duga?

J. Maklumat lanjut mengenai temu duga boleh didapati di dalam Panduan Temu duga yang boleh dimuat turun semasa calon membuat semakan keputusan e-UKCG. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja boleh memuat turun panduan ini.

E. TAWARAN DAN PENEMPATAN

S1. Bilakah saya boleh menyemak keputusan tawaran?

J. Anda boleh menyemak keputusan tawaran pada tarikh-tarikh seperti berikut:

- Calon PISMP & PPC lepasan SPM : **19 Jun 2025**
- Calon PISMP lepasan STPM, STAM dan Matrikulasi : **28 Julai 2025**

Anda dinasihatkan untuk menyemak Tarikh-tarikh penting PISMP 2025 dari semasa ke semasa.

S2. Di manakah saya boleh menyemak keputusan tawaran?

J. Anda boleh menyemak keputusan tawaran di laman sesawang PISMP:
<https://pismp.moe.gov.my/>

S3. Adakah saya akan ditawarkan bidang yang bukan menjadi pilihan saya semasa permohonan?

J. YA. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berhak menawarkan bidang selain daripada permohonan calon sekiranya memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan.

S4. Bolehkah saya menolak tawaran?

J1. BOLEH. Anda boleh memilih untuk menolak tawaran.

S5. Bolehkah saya menukar program atau bidang pengajian setelah menerima tawaran?

J. TIDAK. Anda tidak dibenarkan menukar program atau bidang pengajian kerana tawaran adalah **muktamad**.

S6. Bolehkah saya menukar tempat pengajian?

J. Tempat pengajian yang ditawarkan adalah muktamad. Anda **TIDAK** dibenarkan menukar tempat pengajian yang ditetapkan.

S7. Bolehkah saya menangguh pendaftaran?

J. Tarikh pendaftaran yang ditetapkan adalah muktamad. Anda **TIDAK** boleh menangguh pendaftaran.

S8. Sekiranya saya gagal ditawarkan, adakah saya boleh membuat rayuan?

J. **BOLEH**. Rayuan boleh dibuat **SECARA DALAM TALIAN SAHAJA** menerusi butang e-Rayuan di laman sesawang PISMP: <https://pismp.moe.gov.my/> . Rayuan yang dibuat selain daripada kaedah di atas tidak akan dipertimbangkan.

S9. Perlukah saya hadir ke IPGM atau di mana-mana IPGM kampus untuk membuat rayuan?

J. **TIDAK PERLU**. Rayuan hanya boleh dibuat secara dalam talian menerusi butang e-Rayuan di laman sesawang PISMP: <https://pismp.moe.gov.my/>

S10. Adakah tawaran saya boleh dibatalkan?

J. **YA**. Tawaran anda boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya KPM mendapati anda memalsukan maklumat semasa pemohonan.